

# 2,780 graduan cemerlang seluruh negara ikuti Program Rintis SPP

NST 17.4.13 9

OLEH OLI CHONG  
olichong@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU :** Seramai 2,780 graduan cemerlang dari beberapa ibu negeri dari seluruh negara telah mengikuti program rintis Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Graduan-graduan tersebut sama ada dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah berjaya ditawarkan surat pelantikan dari SPP.

Program Penilaian Khas Graduan Cemerlang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Tahun 2012 itu berlangsung semenjak 19 Mac 2013



**SAMPAIKAN...**Timbalan Pengerusi SPP, Dato' Hj Dangiran Hj Mustapa (kanan) menyampaikan surat pelantikan kepada salah seorang wakil peserta kumpulan masing-masing sambil diperhatikan oleh Setiausaha SPP, Sulaiman Wak (tengah).

bermula di Kuching, Sarawak yang kemudiannya telah ke enam buah negeri lagi dan berakhir di Sabah, kelmarin.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Tan Sri Dr.Zulkurnain Hj Awang yang ditemui dalam sidang media kelmarin berkata, program ini adalah projek rintis SPP yang dibuat dan para graduan yang layak ini terus mendapat surat pelantikan.

"Setakat ini, seramai 2,555 graduan telah berjaya dan ditawarkan surat pelantikan manakala baki calon seramai 225 graduan tersebut akan melalui proses temuduga seperti biasa kerana mereka mungkin tidak membawa dokumen-dokumen asal yang diperlukan dan lain-lain," ujarnya.

Katanya, pemilihan calon juga adalah berdasarkan kecemerlangan mereka dalam akademik dan ikhtisas iaitu yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.5 dan keatas dan sekurang-kurangnya keputusan A- dalam Praktikum serta diperaku oleh IPTA dan IPGM masing-masing.

"Usaha ini adalah selaras dengan hasrat

kerajaan untuk meningkatkan profesion kejuruan dengan mengambil calon-calon guru yang terbaik dari segi akademik dan ikhtisas," katanya.

"Dengan adanya program ini usaha untuk meningkatkan kualiti profesion keguruan dapat direalisasikan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025," jelas beliau.

Salah seorang graduan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Khalil Sabu

berkata, transformasi minda membantu beliau untuk membuat transformasi seterusnya menahut cabaran sebagai seorang pendidik.

Beliau yang berasal dari Sandakan kini ditempatkan di SMK Medamit, Limbang Sarawak berkata tranformasi itu adalah sangat penting bagi seorang pendidik terutamanya yang ditempatkan jauh di pedalaman disamping bersedia dari segi fizikal dan mental untuk berhadapan terutamanya perbezaan budaya dan bahasa, katanya ketika ditemui media.



SIDANG MEDIA...Zulkurnain (tengah) semasa di sesi sidang media itu.